



MESYUARAT: Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman (dua dari kanan) yang ditemani Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman menghadiri mesyuarat Ketua Menteri dan Menteri Besar yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin (dua dari kiri) di Putrajaya kelmarin.

Kongsi pengetahuan bantu tingkat sistem pendidikan

UB 07.11.2012 A2

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

KOTA KINABALU: Sistem pendidikan sedia ada mampu dipertingkatkan penyelarasannya menerusi perkongsian pengetahuan dan maklumat daripada pakar dalam bidang berkenaan.

Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan berkata menerusi penganjuran persidangan pendidikan peringkat antarabangsa, pelbagai isu dapat diketengahkan dan dikaji untuk manfaat bersama.

Menurutnya, penglibatan pihak berkaitan seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mahu pun sektor swasta dianggap sebagai penyumbang kepada keberkesanan usaha yang dijalankan.

"Apabila intisari dalam persidangan itu diperkembangkan dan didalami, ia sudah tentu akan membantu memperkasakan lagi sistem pendidikan negara khususnya di Sabah.

"Sabah juga memiliki kemampuan dari segi penyediaan kelengkapan untuk menganjurkan persidangan bertaraf antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan persidangan 'South-East Asian Association for Institutional Research' (SEAAIR) 2012 di sini kelmarin.

Pairin berkata, hasil yang diperolehi oleh peserta persidangan dapat disumbangkan kepada pembangunan institusi pendidikan di negeri ini.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau menjelaskan institut pengajian tinggi (IPT) berperanan penting dalam memelihara dan mengekalkan kecemerlangan modal insan khususnya dalam

sistem pendidikan.

Tambahnya, aspek kesaksamaan, kualiti, hubungan, pemilikan, serta jaringan antarabangsa antara cabaran yang perlu dihadapi IPT di negara ini.

Menurutnya, seiring dengan usaha itu, IPT perlu bersungguh-sungguh melahirkan mereka yang berkemahiran tinggi untuk berdepan dengan cabaran berkenaan.

Sementara itu, Presiden SEAAIR 2012, Prof Madya Teay Shawyun berkatasera mai 189 penyelidik daripada tujuh buah negara dengan pelbagai latar belakang menyertai persidangan itu.

Menurutnya, sebanyak 52 kertas kerja akan dibentangkan di bawah tema 'Culturalizing World Class Higher Education in Asean'.

Teay berkata, persidangan SEAAIR sentiasa bermatlamatkan perkongsian maklumat dengan melibatkan pihak pembuat polisi, ahli akademik, penyelidik, pengamal dan juga pengurusan dalam IPT.

"Objektif penganjuran SEAAIR akan terus diperkembangkan dalam aspek akademik dan jaringan hubungan bagi menyediakan pengetahuan dan pengalaman khususnya dalam aspek penyelidikan institusi.

"Sejak 12 tahun ia dianjurkan, kini persidangan SEAAIR semakin berkembang dalam menyediakan kualiti seimbang akademik dan kekayaan budaya," katanya.

Turuthadir, Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Shahril Yusof; Pengerusi Bersama SEAAIR, Prof Madya Hamzah Md Omar; dan Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar), Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, UMS, Dr Suyansah Swanto.



PAIRIN memalu gong sebagai simbolik perasmian sambil diperhatikan oleh Teay (dua kiri) dan Shahril (kiri).